

Ruj.Kami : JANM.PRK.600-1/1/1 (22)
Tarikh : 25 Mac 2025

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI (BKKA) TAHUN 2025 TANPA PERUNTUKAN MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN DI DALAM SISTEM iGFMAS

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada arahan daripada Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) melalui ruj. email BPOPP/SPO (Emel)/2025 (110) bertarikh 23 Mac 2025 mengenai **pembukaan sekatan overbajet bagi OS17000 untuk bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Penjawat Awam dan pesara kerajaan Tahun 2025**. Sekatan overbajet ini dibuka bagi tempoh **24 hingga 28 Mac 2025 (3.00 petang)**. Pusat Tanggungjawab (PTJ) boleh menyediakan Arahan Pembayaran kepada pegawai yang layak menerima BKKA Tahun 2025 tetapi tidak diproses melalui Sistem Emolumen Berkomputer Modul *Human Capital Management* (HCM).

3. Sebagai peringatan, PTJ hendaklah memastikan BKKA Tahun 2025 disemak dengan teliti agar tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan juga memastikan bayaran tersebut disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang keciciran pembayaran dalam tempoh tersebut bayaran hendaklah disempurnakan melalui sistem HCM pada bulan berikutnya. Sila pastikan penggunaan kod akaun adalah betul dan tepat bagi pembayaran BKKA Tahun 2025 dengan merujuk Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 4 Tahun 2025 – Peraturan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2025.

4. **PTJ dibenarkan untuk mengunci masuk Arahan Pembayaran melalui Modul Invois Tanpa PT (K2) mulai 26 Mac 2025 (Rabu)**. Sila catatkan nombor rujukan surat kelulusan baucar bayaran berasingan di ruangan Perihal Bayaran dan pastikan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) dilampirkan bersekali bersama-sama dokumen sokongan yang lain di dalam Arahan Pembayaran. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**